



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PETUGAS KESIHATAN DILARANG UNTUK MEMBUAT PERNYATAAN AWAM TANPA KEBENARAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merujuk kepada edaran pernyataan awam yang tersebar dalam media sosial mengenai pelaksanaan pemberian vaksin yang kononnya ditulis oleh petugas kesihatan KKM.

Selaras dengan prinsip perkhidmatan dan peraturan berkaitan tata tertib, setiap penjawat awam ditegah untuk membuat pernyataan yang secara langsung atau tidak langsung menyentuh pelaksanaan apa-apa dasar awam, program dan keputusan Kerajaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran. Pernyataan yang tidak wajar dan dibuat tanpa usul periksa bukan sahaja menjejaskan imej pegawai sebagai penjawat awam, malah boleh menyebabkan kekeliruan dan kegelisahan dalam masyarakat serta menjejaskan kredibiliti perkhidmatan awam dan Kerajaan.

Peraturan berkaitan dengan etika dan tata kelakuan dalam perkhidmatan awam khususnya berkaitan dengan penggunaan media sosial dan tegahan membuat pernyataan awam secara tanpa kebenaran, bukanlah bertujuan menghalang mana-mana pegawai untuk bersuara, tetapi lebih kepada memastikan pegawai menggunakan saluran maklumbalas dan aduan yang betul serta menjaga imej dan kredibiliti pegawai, perkhidmatan awam dan Kerajaan.

Setiap pegawai di KKM dari semasa ke semasa diingatkan supaya memelihara kesopanan dan kesusilaan semasa menggunakan media sosial serta menjaga batas-batas penggunaannya agar tidak terjebak sebagai salahlaku yang boleh dikenakan hukuman tatatertib.

KKM memandang serius berhubung dengan salah laku dalam penggunaan media sosial dan kecenderungan pegawai membuat pernyataan awam secara tidak wajar. Setiap kes yang diadukan atau dikenal pasti sekiranya sabit kesalahan, hukuman tatatertib akan dikenakan berdasarkan kepada peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian, dimaklumkan.

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

4 Mac 2021